

PROGRAM FERTIGASI CILI CENTIL

Lebih 30 penduduk kampung ikuti bengkel anjuran UPM bantu sumber ekonomi

RENCANA

Mohamad Hussin

mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Lebih 30 penduduk Kampung Sawah Dato', Mersing, Johor mengikuti bengkel Fertigasi Duta Jauhar 3.0 anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Program berkenaan diadakan bertujuan memperkenalkan kepada penduduk kampung serta pelajar UPM berkenaan projek Skim Transformasi Pertanian Mersing (MATS).

Ia menggunakan kaedah fertigasi dalam penanaman benih cili centil.

Pengarah projek MATS, Ahmad Sofwan Abdul Razak berkata, sasaran utama penyertaan adalah daripada kalangan penduduk kampung yang berpendapatan rendah serta e-kasih.

Beliau berkata, objektif utama kumpulan Duta Jauhar UPM 3.0 memperkenalkan projek

MATS ini adalah untuk membantu sumber pendapatan ekonomi masyarakat di Mersing.

"Ia juga menyahut cetusan idea Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin untuk menggembeng tenaga dan idea mahasiswa sebagai agen transformasi masyarakat.

"Melalui bengkel ini, penduduk kampung mengetahui mengenai perusahaan tanaman fertigasi cili centil serta faedah menjalankan aktiviti pertanian itu.

"Pada masa yang sama, pelajar UPM turut bersama dengan masyarakat kampung menayakan bengkel Fertigasi 1.0 yang dianjurkan kumpulan Duta Jauhar UPM 3.0 ini," katanya.

Menurutnya, persiapan selama sebulan dilakukan dengan kerjasama Penghulu Mukim Tenglu, Adam Ahmad atau lebih dikenali sebagai Tok Adam dan Ketua Kampung Sawah Dato',



SESI pratikal tanaman fertigasi cili centil



PELAJAR UPM bersama penduduk mengisi 'coco peat' ke dalam beg semaian

Hanafiah Junid.

"Kerjasama erat antara UPM dengan penduduk kampung secara tidak langsung merapatkan ukhuwah selain dapat mempelajari kaedah tanaman berkenaan," katanya.

Bengkel selama dua hari itu dikendalikan Pensyarah Fakulti Pertanian UPM Prof Dr Aisyah Hassan dan Pegawai Jaringan Industri Masyarakat, Fakulti Pertanian UPM Muhd Ghazali Satar.



KUMPULAN Duta Jauhar bersama penduduk selepas selesai bengkel